



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

## **SIARAN MEDIA**

### **JPA PERKASA NILAI TERAS PENJAWAT AWAM MELALUI SEMINAR “SEJENAK BERSAMA” DALAM MENDUKUNG TADBIR URUS DINAMIK**

---

**SUNGAI PETANI, 16 APRIL 2026** – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terus memperkukuh peranannya sebagai peneraju pembangunan modal insan sektor awam melalui penganjuran Seminar Sejenak Bersama Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato’ Dr. Johari bin Abdul.

Program berimpak tinggi ini dilaksanakan melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Utara (INTURA) dengan kerjasama strategik Parlimen Malaysia, Kerajaan Negeri Kedah dan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK), mengangkat tema “Kepimpinan, Jati Diri, Keberkecualian dan Profesionalisme Penjawat Awam”.

Seminar yang berlangsung di Dewan Bankuet MPSPK ini menghimpunkan kepimpinan tertinggi perkhidmatan awam termasuk YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri Zon Utara serta pengurusan tertinggi JPA, sekali gus mencerminkan komitmen bersepadu dalam memperkukuh keupayaan tadbir urus negara.

Sebagai institusi teras pembangunan kompetensi penjawat awam, JPA melalui INTAN terus memperkasa platform wacana strategik seperti “Sejenak Bersama” yang dijenamakan semula daripada INTAN *Minister’s Conversation* (IMC). Inisiatif ini bukan sahaja memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi, malah menjadi medium penting dalam memperkukuh dialog dua hala antara kepimpinan negara dan penjawat awam.

Melalui penglibatan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, seminar ini memperkaya perspektif peserta dengan dimensi kepimpinan legislatif, sejajar dengan usaha JPA untuk melahirkan penjawat awam yang berfikiran strategik, berintegriti dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran semasa.

Dalam landskap pentadbiran yang semakin kompleks, JPA menegaskan bahawa nilai kepimpinan, jati diri, keberkecualian dan profesionalisme merupakan asas utama kepada keutuhan institusi serta keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam. Cabaran global seperti ketidakpastian geopolitik, tekanan ekonomi dan isu sumber tenaga menuntut penjawat awam untuk bertindak secara lebih anjal, berstrategi dan berdisiplin tinggi.

Sehubungan itu, JPA terus komited memastikan penjawat awam kekal berpaksikan nilai, berfikiran objektif dan melaksanakan amanah dengan penuh integriti selaras dengan Perlembagaan, undang-undang dan dasar kerajaan.

Penganjuran seminar ini turut mencerminkan kekuatan pendekatan keseluruhan kerajaan (whole-of-government) yang diterajui JPA melalui kolaborasi strategik pelbagai agensi. Penglibatan reruai pameran oleh pelbagai jabatan termasuk JPA, KKM, SPRM, JPN, JPJ, OUM dan YAPEIM memperkukuh ekosistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih inklusif dan bersepadu.

Secara keseluruhan, inisiatif ini memperlihatkan komitmen berterusan JPA dalam memacu budaya ilmu, memperkukuh nilai teras serta memastikan perkhidmatan awam kekal relevan, berprestasi tinggi dan berimpak kepada rakyat.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 16 April 2026  
E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (41)